

1974

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENKKAJI SEMULA DENGAN RAPI DAN MENYELURUH SISTEM PENGELOLAAN DAN PENTADBIRAN PEPERIKSAAN BAGI MENENTUKAN TIDAK BERLAKU KEBOCORAN PADA MASA AKAN DATANG.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI KAJIAN AKAN MENITIKBERATKAN MENGENAI BIDANG KESELAMATAN.

BELIAU MENJAWAB ANGGOTA-ANGGOTA YANG MENIMBULKAN TENTANG KEBOCORAN KERTAS BAHASA MALAYSIA DALAM PEPERIKSAAN SPM/MCE BARU-BARU INI SEMASA MEMBAHASKAN PERUNTUKAN BAGI KEMENTERIANNYA TAHUN DEPAN.

PERUNTUKAN BERJUMLAH \$1,287.4 JUTA ITU KEMUDIANNYA DILULUSKAN. DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM PENGELOLAAN DAN PENTADBIRAN PEPERIKSAAN YANG DIGUNAKAN TAHUN INI ADALAH SAMA SEPERTI YANG TELAH DIGUNAKAN BAGI TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA, DENGAN DIPERKOKOHKAN LAGI ASPEK-ASPEK YANG DIANGGAP PERLU BAGI PEPERIKSAAN-PEPERIKSAAN AKAN DATANG.

PENYIASATAN MENGENAI KEBOCORAN ITU SEDANG DIJALANKAN OLEH BIRO SIASATAN NEGARA DAN TIDAKLAH DAPAT DIKETAHUI SETAKAT INI DIMANA LETAKNYA KELEMAHAN YANG TELAH MENAKIBATKAN KEBOCORAN ITU.

MENGENAI KEPUTUSAN SUPAYA PELAJAR-PELAJAR MENDUDUKI SEMULA PEPERIKSAAN KERTAS BAHASA MALAYSIA, BELIAU BERKATA INI ADALAH PEPERIKSAAN BAHASA YANG MANA KEMAHIRAN DALAM KEFAHAMAN DAN PENGGUNAAN BAHASA YANG MENJADI UJIAN DAN TIDAK +SUBJECT MATTER+ ATAUPUN BAHAN-BAHAN PENGETAHUAN. -- BERSAMBUNG 1847/AZ

614:

PARLIMEN-DEBAT 2 KUALA LUMPUR

OLEH ITU CALUN-CALUN YANG MAHIR DALAM BAHASA MALAYSIA AKAN DAPAT MENJAWAB DENGAN MEMUASKAN, TIDAK KIRA SAMADA BAGI PEPERIKSAAN YANG DAHULU ATAUPUN PEPERIKSAAN YANG DISEMULAKAN.

+PERLU DIJELASKAN BAHAWA KEPUTUSAN KEMENTERIAN MENGADAKAN SEMULA PEPERIKSAAN TERSEBUT ADALAH SATU KEPUTUSAN WAJAR YANG MANA TELAH MENDAPAT SOKONGAN BESAR DARI PENUNTUT-PENUNTUT DAN ORANGRAMAI, + KATANYA.

MENJAWAB ANGGOTA DAP DARI KOTA MELAKA, ENCIK LIM KIT SIANG MENGENAI TUNJUK-TUNJUK PERASAAN OLEH PELAJAR-PELAJAR, DR. MAHATHIR BERSETUJU KEJADIAN ITU BUKANLAH TERJADI DI MALAYSIA SAHAJA.

TUNJUK-TUNJUK PERASAAN OLEH PELAJAR-PELAJAR ADALAH PERKARA BIASA DI NEGARA-NEGARA LAIN.

MENTERI ITU BERKATA KERAJAAN SEDANG MENKKAJI CARA-CARA YANG DIGUNAKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN BAGI MENGHALANG KEJADIAN TUNJUK PERASAAN SEPERTI ITU.

+KITA TERUTAMA SEKALI BEGITU TERTARIK DENGAN CARA-CARA KERAJAAN SINGAPURA BERJAYA MENYEKAT KEJADIAN TUNJUK PERASAAN, + KATANYA. -- BERSAMBUNG 1849/AZ

615:

PARLIMEN-DEBAT 3 KUALA LUMPUR

+ADALAH DIFAHAMKAN TIDAK BERLAKU SEBARANG TUNJUK PERASAAN DI SINGAPURA, + KATA BELIAU.

MENGENAI SYUR SUPAYA MURID-MURID BELAJAR DI BAWAH SATU BANGUNAN UNTUK MENANAM PERASAAN PERPADUAN, BELIAU BERKATA CADANGAN ITU IDEAL DI NEGARA YANG HANYA TERDIRI DARI SATU KETURUNAN BANGSA.

AKAN TETAPI DALAM NEGARA MALAYSIA YANG BERBILANG BANGSA INI TIDAK DAPAT DIPRAKTIKKAN.

OLEH KERANA ITU KERAJAAN TELAH MEMBENARKAN SUPAYA PELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH MENGIKUT ALIRAN CHINA DAN TAMIL DITEROSKAN DEMI KEPENTINGAN NEGARA.

KATA BELIAU BAGAIMANAPUN APABILA MURID-MURID INI MEMASUKI SEKOLAH MENENGAH MEREKA AKAN BELAJAR DI BAWAH SATU ALIRAN BAHASA DAN BUMBUNG YANG SAMA. -- BERSAMBUNG

616:

PARLIMEN-DEBAT 4 KUALA LUMPUR

MENYENTUH PELAJARAN CHINA, DR. MAHATHIR BERKATA KERANA KERAJAAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI MASAALAH KEBANGSAAN MAKA DASAR-DASAR PELAJARAN DIGUBAL BEGITU RUPA SUPAYA PELAJARAN CHINA TIDAK DINAFIKAN BAGI KAUM CHINA.

JIKA PERKARA ITU DIANGGAP SEBAGAI MASAALAH KAUM CHINA SAHAJA MAKA KAUM CHINA AKAN MEMPUNYAI SISTEM PELAJARANNYA SENDIRI DAN BEGITU JUGA DENGAN KAUM INDIA DAN MELAYU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENENTUKAN BAHAWA GALAKAN TERHADAP PELAJARAN BERBAGAI ALIRAN TIDAK AKAN MENJEJAS TUJUAN KERAJAAN MENYATUKAN PENDUDUK NEGARA INI.

MENTERI ITU JUGA BERKATA KEMENTERIAN SEDANG MENGAJUI KEMUNGKINAN MENYEDIAKAN KERTAS-KERTAS PEPERIKSAAN BAGI PEPERIKSAAN DALAM NEGERI DAN TIDAK LAGI OLEH LEMBAGA PEPERIKSAAN CAMBRIDGE.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERPENDAPAT INI AKAN MENDATANGKAN MASAALAH KERANA PEGAWAI-PEGAWAI RENDAH AKAN TERLIBAT MENYEDIAKAN KERTAS-KERTAS PEPERIKSAAN ITU.

MENJAWAB ENCIK K. PATHMANABAN (BN-TELUK KEMANG), BELIAU BERKATA SOAL MEMBERI BANTUAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL DI ESTET-ESTET TERLALU RUMIT KERANA SEKOLAH-SEKOLAH DI SITU AMAT KECIL.

BAGAIMANAPUN KERAJAAN SEDANG BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMBAIKI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI SEKOLAH ITU.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU KINI TERDAPAT 10 BUAH SEKOLAH BERASRAMA PENUH UNTUK MENEMPATKAN MURID-MURID MISKIN DAN LEBIH RAMAI MURID-MURID BERBAGAI KAUM AKAN DITEMPATKAN BILA LEBIH BANYAK LAGI SEKOLAH BERASRAMA DIDIRIKAN - BERSAMBUNG 1910/AZ